

[BERNAMA.com](#)[BERNAMA TV](#)[BERNAMA Radio](#)

Carian

[Johor Mengundi 2022](#)[Malaysia @ Expo 2020 Dubai](#)[MyCheck](#)[COVID-19 & Vaksinasi](#)[Bencana Negara](#)[Sarawak Tok](#)[Am](#)[Jenayah & Mahkamah](#)**EKONOMI**

GM Klang sasar permintaan sewaan naik lebih 30 peratus tahun ini



28/02/2022 04:34 PM

SHAH ALAM, 28 Feb – Peningkatan kuasa beli pengguna dan pertambahan bilangan usahawan menyebabkan Pusat Borong GM Klang menasarkan permintaan ruang sewaan perniagaan meningkat lebih 30 peratus tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

Pengurus Komunikasi Jenama Pusat Borong GM Klang Norsuhaida Othman berkata keputusan kerajaan membenarkan pembukaan operasi untuk sektor ekonomi dan insentif kepada usahawan khususnya untuk kembali bangkit selepas dua tahun terkesan akibat pandemik COVID-19 meyakinkan pihaknya untuk menasarkan peningkatan tersebut.

"Keadaan ini turut mendorong kepada permintaan sewaan ruang perniagaan yang lebih tinggi di GM Klang berbanding tahun sebelumnya," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata GM Klang sentiasa memastikan momentum transaksi perniagaan dan pelanggan dalam keadaan stabil dengan meningkatkan perbelanjaan untuk pengiklanan dan promosi bagi mengukuhkan aktiviti penjenamaan di pusat borong terbesar di Malaysia itu.

Katanya jumlah bas rombongan kini kembali meningkat walaupun dengan kadar yang sederhana tetapi mampu mewujudkan jumlah pengunjung yang bertambah berbanding ketika tempoh perintah kawalan pergerakan yang lepas.

"GM Klang juga mendapat banyak pertanyaan positif daripada peniaga-peniaga luar mengenai ruang perniagaan di sini dan ini menunjukkan jenama GM Klang masih mendapat kepercayaan untuk meluaskan perniagaan mereka di sini," katanya.

Norsuhaida berkata penawaran platform perniagaan yang komprehensif, serta pelbagai pilihan ruang komersial yang sedia untuk disewa, kemudahan fasiliti dan jumlah pengunjung yang mencecah anggaran 20,000 orang sehari, pastinya memberi manfaat perniagaan yang efektif untuk para usahawan.

--BERNAMA

Bernama menyediakan sumber terkini maklumat berita sahih dan komprehensif kepada umum dan agensi media. Berita kami dipaparkan di laman web www.bernama.com ; siaran BERNAMA TV: Saluran Astro 502, Saluran unifi TV 631, Saluran MYTV 121 IFLIX; dan siaran Bernama Radio di frekuensi FM93.9 bagi Lembah Klang, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).